KPM tubuh jawatankuasa khas tangani isu pelajar tak hadir SPM

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Oktober 16, 2024 @ 1:00pm
yusri.muzamir@bh.com.my



Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Parlimen hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) menubuhkan Jawatankuasa Khas Tindakan Gempur Kehadiran Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024/2025 dalam usaha mengurangkan jumlah ketidakhadiran calon menduduki peperiksaan itu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh berkata ia adalah tindakan terkini dalam rancangan pelan intervensi kementerian yang antara lain turut melaksanakan pemerkasaan ke atas pelaksanaan program sedia ada.

Selain itu, katanya, kementerian turut meningkatkan pentaksiran psikometrik bagi mengumpul maklumat gambaran tret psikologi daripada aspek minda atau jiwa untuk membantu murid mengenali personaliti kendiri dan membuat keputusan berdasarkan kebolehan sendiri.

"(Kementerian juga) melaksanakan Program Persediaan Menghadapi Peperiksaan SPM melalui inisiatif Program Minda Sihat Sekolah dan sebagainya.

"Selain itu, aktiviti berfokus seperti ziarah cakna, sesi konsultasi ibu bapa, permuafakatan Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG) serta Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS).

"Kita juga bekerjasama dengan Kementerian Kewangan melalui Unit Pantau Madani dan Yayasan Hasanah dalam pelaksanaan Program Anak Kita: Semarak Potensi Malaysia, membabitkan Program Pecutan SPM 2024 dengan ia dijalankan secara berfokus dan di 16 negeri," katanya.

Beliau menjawab soalan Hassan Saad (PN-Baling) mengenai punca murid tidak hadir menduduki SPM dan usaha memastikan mereka tidak terus tercicir daripada sistem pendidikan pada sesi Pertanyaan Lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Mengenai punca 10,160 calon SPM tidak hadir menduduki peperiksaan itu tahun lalu, Kah Woh berkata, analisis kementerian mendapati antara alasannya kerana calon sudah bekerja, berhenti sekolah, mengalami masalah keluarga, berpindah sekolah dan sakit.

Sementara itu, dalam jawapan berasingan dikemukakan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang), beliau berkata kementerian bercadang memperluas projek rintis kelas hibrid kepada 400 kelas di sekolah terpilih dari bandar dan luar bandar pada tahun depan.

Katanya, projek rintis bagi membangunkan kemahiran digital dalam ekosistem pembelajaran itu sudah dilaksankaan di 110 institusi pendidikan terpilih termasuk sekolah di luar bandar, selaras Teras 4: Pengupayaan Infrastruktur dan Infostruktur, Dasar Pendidikan Negara.

"Ini membabitkan 550 kelas mulai 2021, dan kelas pintar ini dilengkapi kemudahan peralatan digital smartboard, TV pintar, set kamera dan perakam suara (air mic)," katanya menjawab soalan mengenai perkembangan membangunkan kemahiran digital bagi pelajar di sekolah luar bandar.

Kah Woh berkata kementerian juga mengukur kemahiran digital murid melalui Laporan Skor Kompetensi Digital dengan purata skor murid sekolah luar bandar adalah 3.24/5.00 berbanding purata skor kebangsaan 3.31, tahun lalu.

Katanya, purata skor bagi murid sekolah bandar menunjukkan skor lebih tinggi iaitu 3.34/5.00.

Mengenai akses internet, Kah Woh berkata, kementerian melaksanakan perolehan baharu perkhidmatan internet bagi tempoh Julai lalu hingga Jun 2025.

Ia termasuk sekolah di luar bandar dengan memperkasakan 367 Pusat Kegiatan Guru dan 16 Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan Jabatan Pendidikan negeri di seluruh negara.

"Langkah ini sebagai pusat kecemerlangan bagi inisiatif pendidikan digital sejak 2022 dan penaiktarafan sudahpun selesai tahun ini, membabitkan peruntukan sebanyak RM44.6 juta," katanya.

Mengulas tahap kompetensi digital dalam kalangan guru, Kah Woh berkata 6,338 daripada 364,579 guru yang disaring berada di tahap lanjutan, diikuti asas (86,062) manakala pertengahan (272,179), setakat 30 September lalu.

"KPM juga mengiktiraf sebahagian guru di tahap lanjutan sebagai guru jauhari digital dengan 810 guru diiktiraf sehingga 30 September lalu, selain mereka juga memberi bantuan dan bimbingan kepada guru setempat," katanya.